



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PETUGAS KESIHATAN TAMBAHAN
MENERUSI PELANTIKAN SECARA KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*) BAGI TUJUAN MENYOKONG PERKHIDMATAN KESIHATAN
DALAM TEMPOH PENULARAN WABAK COVID-19**

Seperti mana yang ramai sedia maklum, kes penularan wabak COVID-19 telah menunjukkan trend peningkatan semula berikutan wujudnya kluster baharu wabak, terutama di negeri Kedah, Sabah dan Selangor. Berikutan daripada penularan semula wabak ini, sebilangan kawasan yang sebelum ini merupakan kawasan yang diisytiharkan sebagai zon hijau telah berubah menjadi zon kuning dan merah.

Kerajaan telah pun mengambil langkah segera bagi mengawal penularan wabak ini, antaranya mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri dan lokaliti yang berkenaan. Di peringkat Kementerian Kesihatan, antara langkah awal yang telah diambil adalah mobilisasi petugas kesihatan sedia ada dari negeri dan fasiliti kesihatan tertentu bagi membantu negeri atau fasiliti kesihatan yang memerlukan tambahan sumber manusia kesihatan.

Namun, selaras dengan perkembangan semasa, **tambahan seterusnya diperlukan bagi petugas kesihatan.** Oleh itu, Kementerian

Kesihatan telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan, untuk melantik secara kontrak sejumlah **1,899 petugas kesihatan lagi**, bagi tujuan menyokong perkhidmatan kesihatan dalam tempoh penularan wabak COVID-19. Antara petugas kesihatan sokongan tambahan yang dipohon adalah Pegawai Penyelidik, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi dan Kewangan).

Permohonan telah dikemukakan pada 9 Oktober 2020 selaras dengan persetujuan Kerajaan agar Kementerian Kesihatan dipertimbangkan untuk menambah petugas kesihatan kepada sejumlah 2,000 lantikan secara kontrak seperti yang telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin sebelum ini.

Selain daripada ditempatkan di fasiliti kesihatan seperti di hospital, klinik kesihatan, makmal, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), petugas kesihatan ini juga akan ditempatkan di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara dan ditugaskan di Pintu-pintu Masuk Antarabangsa Negara seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur agar urusan keluar dan masuk di Pintu-pintu Masuk Antarabangsa dapat diuruskan dengan lebih lancar dan berkesan.

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

12 Oktober 2020